

Sungai Pahang makin cetek boleh undang bahaya

TEMERLOH - Orang ramai khususnya penduduk di pinggir Sungai Pahang dinasihatkan supaya tidak terlalu ghairah mencari hasil laut atau mandi-manda di sungai berkenaan yang semakin cetek kesan cuaca panas dan kering yang sedang melanda negara.

Pegawai Bomba dan Penyelamat Daerah Temerloh, Hasanuddin Husein berkata, sejak seminggu lalu, orang ramai termasuk mereka yang datang dari luar Pahang berpusu-pusu ke Sungai Pahang semata-mata menikmati pemandangan sungai yang cetek ketika El Nino.

Menurut beliau, bahaya berkelah di Sungai Pahang ketika ini ialah dikhuatiri mereka terpijak kawasan pasir jerlus.

"Ketika paras air Sungai Pahang semakin cetek, timbul kawasan beting pasir yang luas namun pasir ber-



ORANG ramai leka mengutip hasil laut di Sungai Pahang yang airnya cetek kesan fenomena El Nino yang sedang melanda sejak sebulan lalu.

kanaan sebenarnya berongga dan sesiapa yang menjejakan kaki di kawasan pasir tersebut boleh tenggelam sebelum hilang di dasar sungai.

"Rongga pada kawasan pasir itu boleh menghasilkan

lubang yang dalam antara lima hingga 10 meter," kata beliau di sini semalam.


Hasanuddin memberitahu, beting pasir di Sungai Pahang kini dianggarkan sepanjang 35 kilometer bermula dari Kam-

pung Kuala Mai di Kuala Krau, Pulau Pasir Mandi, Pulau Purnun, Kampung Telok Sentang, Seberang Bangau, Lebak hingga ke Kampung Durian Tawar di sempadan Bera.

"Sepanjang beting pasir tersebut ia bagaikan pesta apabila ramai orang berkelah dan mencari hasil lautan seperti etak dan remis sejak sejak seminggu lalu," kata beliau.


Hasanuddin berkata, sepanjang tahun lepas, terdapat tujuh kes mangsa lemas dilaporkan di daerah ini semasa musim kemarau dengan sebahagian besar membabitkan pelajar sekolah.

Sementara itu, Hasanuddin berkata, kes terbaru seorang lelaki, A. Saravanan, 39, dikhuatiri lemas dipercayai terperangkap dalam pasir jerlus ketika mandi bersama dua rakannya di Sungai Pahang berdepan dengan Klinik Kesihatan Temerloh petang kelmarin.




RM1280

KLA-60




RM108

MD-002




RM218

KR-10




RM399
Harga Terbilang

KLA-1




RM398
Harga Terbilang

BI-FOLD





RM598
Harga Terbilang

PM-1E



PM DOOR & LOCKS TRADING
(SA0185283-M)

45-00-1, Lorong Batu Nilam 1E,
Bandar Bukit Tinggi,
41200 Kelang, Selangor. Faks: 03-3324 9607
Tel: 03-3324 2468 / 03-3324 9907 IIP: 016-224 8858

Kedai Di Belakang Hong Leong Bank *Dibuka dari Isnin - Sabtu